

## Bagaimana pembenihan awan dibuat



# IPU MULA TURUN

## ■ Pembenihan awan sejak kelmarin berhasil

Oleh Mohd Nasif Badruddin  
mnasif@hmetro.com.my  
Subang

Proses pembenihan awan dijalankan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sejak kelmarin mula menampakkan hasil, semalam apabila Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kebanyakan kawasan mula menurun di bawah bacaan 100 iaitu sederhana sihat.

lam), kita teruskan di beberapa kawasan sekitar Selangor, Perak selatan dan Pahang barat sebelum bersambung esok (hari ini)," katanya ketika meninjau operasi proses pembenihan awan di Pangkalan TUDM Subang, di sini, semalam.

Menurutnya, setiap penerbangan untuk pembenihan awan memuatkan tiga tangki berisi 1,500 liter air dicampur bersama 150 hingga 200 kilogram garam setiap tangki sebelum disemur ke dalam awan kumulus.

**FAKTA**  
Operasi pembenihan awan dijalankan tiga hari berakhir hari ini



PEGAWAI Jabatan Meteorologi Malaysia mengangkat garam yang digunakan bagi proses pembenihan hujan.

Harian Metro  
17/9/2015  
mls 20

### BACAAN IPU DI BEBERAPA TEMPAT SEMALAM

LOKASI	6 PAGI	12 TGH HARI	6 PETANG
Bandaraya Melaka	83	101	114
Balok Baru, Kuantan	139	122	103
Indera Mahkota, Kuantan	112	96	87
Jerantut	121	98	82
Tawau	tiada	120	110
Bintulu	107	99	92
Kapit	106	117	123
Kuching	152	147	158
Samarahan	154	144	158
Sarikei	145	143	135
Sibu	130	132	129
Sri Aman	178	161	152
Shah Alam	104	106	91
Kemaman	141	121	98
Kuala Terengganu	100	100	83
Paka	132	116	93

Ketua Seksyen Pembenhian Awan Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenhian Awan, JMM Kwan Kok Foo berkata, operasi pembenhian awan dijalankan tiga hari dan berakhir hari ini dijalankan di beberapa kawasan di Semenanjung menggunakan pesawat Hercules C-130H milik TUDM yang berlepas dari Pangkalan TUDM Subang, di sini.

“Petang semalam (kelmarin) kita melakukan proses pembenhian awan di tiga tempat iaitu Temerloh dan Kuala Lipis, Pahang serta Teluk Intan, Perak dan selepas ia menunjukkan hasil apabila banyak tempat hujan setengah jam.

“Tengah hari ini (sema-

Katanya, garam semburan bertindak sebagai nukleus pemeluwapan awan iaitu bahan higroskopik yang mempunyai keupayaan menarik, menyerap dan memegang wap air di dalam atmosfera.

Beliau berkata, proses itu bertujuan mempercepatkan pembentukan titisan air daripada wap air sehingga mencapai saiz yang cukup besar dan berat, akhirnya akan turun sebagai hujan.

“Pembenhian awan dilakukan menunjukkan kesan positif apabila IPU di kebanyakan tempat kurang daripada 100, cuma beberapa tempat seperti Shah Alam melebihi 100,” katanya.



**PENOLONG** Pegawai Jabatan Meteorologi Malaysia, Mohd Khairi Hawari (kiri) bersama Sarjan Mohd Osman Sareh (tengah) dan Pembantu Jabatan Meteorologi, Airul Ismail menyiapkan tong berisi 1,500 liter air dan 200kg garam.

**ANAK** kapal Hercules C-130H bersama kakitangan Jabatan Meteorologi Malaysia menyiapkan tong mengandungi 1,500 liter air dan 200kg garam sebelum dimasukkan ke dalam pesawat.



**ANAK** kapal Hercules C-130H bersedia sedia melakukan penerbangan.